

14 MAR 2001

Abdullah-Umno

JANGAN NAFIKAN HAK ANGGOTA HADIR MESYUARAT CAWANGAN UMNO, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Cawangan-cawangan Umno hari ini diingatkan supaya tidak menghalang para anggota yang telah membayar yuran daripada menghadiri mesyuarat cawangan Umno.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika memberi peringatan itu berkata, ibu pejabat Umno masih menerima aduan mengenai masalah itu dan kini sedang memberi perhatian segera mengenainya.

"Kita tidak mahu anggota-anggota Umno yang telah membayar yuran dinafikan daripada menghadiri mesuarat-mesyuarat cawangan, itu adalah hak mereka, mereka berkewajipan untuk membayar yuran dan tidak ada siapa yang boleh menolak mereka daripada membayar yuran," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyurat jawatankuasa pengurusan Umno di sini.

"Nampaknya masalah ini pada peringkat awal pun ada dan sekarang pun ada lagi," katanya.

Abdullah, yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, jawatankuasa pengurusan hari ini turut membuat keputusan membenarkan cawangan-cawangan Umno di kawasan pedalaman terutama di Sabah untuk bermesyuarat, walaupun bilangan anggota yang hadir kurang daripada 50 orang.

Ini kerana pada peringkat awal lagi Umno telah membenarkan cawangan-cawangan itu ditubuhkan walaupun bilangan anggotanya tidak besar, katanya.

Abdullah juga berkata, jawatankuasa pengurusan akan merujuk semua kes disiplin parti kepada lembaga disiplin parti untuk dipertimbang dan diputuskan.

Mengenai Puteri Umno, beliau berkata beberapa nama akan dicadangkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden parti untuk mendapat pandangan dan keputusan.

Beliau berkata nama-mana yang dicadangkan itu terdiri daripada anggota parti yang sedia ada.

-- BERNAMA
AFY SLR FAZ